

SOALAN-SOALAN LISAN

PERSIDANGAN KETIGA MESYUARAT PERTAMA TAHUN KELIMA DEWAN NEGERIYANG KEEMPAT BELAS PERAK DARUL RIDZUAN PADA HARI RABU, 30 MAC 2022

1. **YB DATO' HAJI ZAINUN BIN HAJI MAT NOOR (CHENDEROH)**

Sekolah Rendah Agama Rakyat berperanan dalam pembangunan modal insan di kalangan masyarakat penduduk samada di bandar ataupun di luar Bandar di bawah pentadbiran kerajaan negeri dan dibantu oleh kerajaan persekutuan yang memerlukan perhatian berterusan.

- a) Adakah kerajaan negeri mempunyai maklumat berkenaan keperluan sekolah-sekolah ini?
- b) Apakah kerajaan negeri mempunyai perancangan bagi membangunkannya dari segi bangunan atau kemudahan-kemudahan lain ?

2. **YB CIK NG SHY CHING (TEJA)**

Kadar Keciciran Pendidikan

Data Kementerian Pendidikan (KPM) melaporkan seramai 21,316 murid telah berhenti sekolah bagi tempoh Mac 2020 hingga Julai 2021.

- a) Sila nyatakan kadar keciciran pelajar di Negeri Perak mengikut kategori sekolah rendah dan sekolah menengah dari tahun 2018 hingga tahun 2021.
- b) Sila nyatakan kadar keciciran pelajar orang asli di Negeri Perak mengikut kategori sekolah rendah dan sekolah menengah dari tahun 2018 hingga tahun 2021.
- c) Apakah antara faktor utama yang menyumbang kepada kadar keciciran ini dan usaha kerajaan negeri dalam menanganinya?

3. **YB ENCIK LEONG CHEOK KENG (MALIM NAWAR)**

Pemuda

- (a) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan pemuda di Negeri Perak kini boleh mendapatkan pekerjaan yang sesuai semasa pandemik Covid-19 masih berterusan?
- (b) Apakah cadangan Kerajaan Negeri untuk memastikan pemuda berkeupayaan untuk mempunyai rumah pertama?
- (c) Apakah cadangan lain Kerajaan Negeri untuk membantu pemuda yang terkilan pandemik Covid-19?

4. **YB PUAN JAMILAH BINTI ZAKARIA (TRONG)**

Isu kemiskinan haid dikesan menjadi perhatian semasa berlakunya PKP baru-baru ini. Malah dalam ucapan Bajet 2022 kerajaan persekutuan telah meluluskan peruntukan khusus bagi menangani isu ini buat pertama kalinya dalam negara kita.

a) Apakah Langkah Langkah yang telah dan akan dilakukan oleh kerajaan negeri bagi menangani isu kemiskinan haid yang membelenggu golongan kanak-kanak, remaja perempuan atau Wanita dikawasan bandar mahupun luar bandar?

5. **YB ENCIK KHAIRUDIN BIN ABU HANIPAH (BELANJA)**

Denggi dan Chikungunya

a) Berapakah jumlah kes denggi dan chikungunya mengikut daerah bagi tahun 2021 dan bulan Januari serta Februari 2022?

b) Nyatakan langkah-langkah yang telah dan akan dilaksanakan bagi mengurangkan kes denggi dan chikungunya di Negeri Perak?

6. **YB ENCIK MOHD KAMARUDDIN BIN ABU BAKAR (KUALA SEPETANG)**

Apakah mekanisma yang berkesan yang dilakukan bagi mengekang kekurangan bekalan makanan penting seperti minyak masak dan tindakan terhadap pelesen pelesen yang menyimpan stok barangan tersebut bagi tujuan mendapat keuntungan berlebihan?

7. **YB ENCIK YONG CHOO KIONG (TRONOH)**

Seperti yang semua sedia maklum LPHP merupakan sebuah agensi yang ditubuhkan bagi mengawal selia, menggalak, menyelaras, memudah cara dan melaksanakan pemajuan perumahan dan hartanah di Negeri Perak di samping menyediakan rumah kos rendah bagi golongan sasar terutama B40 dan M40. Namun penjualan semula (subsale) rumah-rumah kos rendah didapati tidak terkawal kerana ia masih lagi boleh dibeli oleh golongan T20 dan pihak syarikat untuk dijadikan satu perniagaan sewa rumah.

i. Jadi apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi isu ini?

ii. Apakah tindakan Kerajaan Negeri sekiranya rumah rumah ini disewakan terutamanya kepada warga asing oleh pemilik rumah

8. **YB ENCIK MOHAMAD ZURAIMI BIN RAZALI (MANONG)**

a) DI KAWASAN DUN MANONG, MASIH TERDAPAT KAWASAN PENEMPATAN PENDUDUK YANG TIDAK MEMPUNYAI BEKALAN AIR LUAR BANDAR, (PAIP UTAMA) YANG BERHAMPIRAN DENGAN RUMAH, APAKAH TINDAKAN LAP DALAM MENANGANI MASALAH INI

9. **YB DATO' HAJI ASMUNI BIN AWI (MANJOI)**

Pembangunan usahawan.

a. Adakah kerajaan negeri memberi bantuan secara 'one-off' kepada peniaga-peniaga kecil yang terkesan dengan Pandemik Covid-19 untuk memulakan kembali perniagaan mereka? Jika ada, berapakah jumlah bantuan yang diberi dan berapa ramai peniaga-peniaga kecil yang menerima bantuan ini?

b. Berapakah jumlah peruntukan yang telah diberikan kepada Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP) untuk membolehkannya membiayai kakitangannya sendiri, perbelanjaan operasi dan menjalankan program-program pembangunan usahawan?

10. **YB PUAN SALBIAH BINTI MOHAMED (TEMENGOR)**

a) Apakah bantuan yang diberikan oleh kerajaan Negeri bagi melahirkan lebih ramai usahawan muda tani serta program bimbingan yang dilaksanakan agar mereka berjaya di dalam bidang pertanian?

11. **YB PUAN WONG MAY ING (PANTAI REMIS)**

Isu perlombongan pasir silika di Pantai Pasir Panjang, Segari.

a) Apakah status terkini serta kronologi berhubung isu ini?

b) Aktiviti kuari ini didakwa bercanggah dengan Rancangan Fizikal Negara, garis panduan pemuliharaan dan pembangunan kawasan sensitif alam sekitar. Apakah pandangan Kerajaan Negeri?

12. **YB ENCIK SIVASUBRAMANIAM A/L ATHINARAYANAN (BUNTONG)**

Projek Pembangunan Dihadapan Sekolah Tamil Kerajaan, Jalan Sungai Pari, Buntong

- a) Sila nyatakan butiran projek pembangunan yang dicadangkan dikawasan ini dan nama pemilik tanah berkenaan?
- b) Apakah Kerajaan mempunyai hasrat untuk membina rumah kos rendah bagi penghuni setinggan asal yang tinggal di kawasan ini?
- c) Sila nyatakan bilakah projek pembangunan ini akan disiapkan sepenuhnya?

13. **YB DR JURIJ BIN JALALUDIN (LUBOK MERBAU)**

Ketika varian Omicron mengganas di Asia Tenggara, pelajar di rantau ini terpaksa berjuang untuk mengelak daripada terus keciciran dalam pendidikan, selepas dua tahun pembelajaran terganggu.

- a) Nyatakan berapakah bilangan pelajar yang tercicir iaitu tidak boleh membaca mengikut Daerah dalam negeri Perak.
- b) Apakah langkah-langkah bagi mengatasi pelajar yang tercicir ini?

14. **YB DATO' HAJI MOHD TARMIZI BIN HAJI IDRIS (KENERING)**

Golongan B40, antara kumpulan yang amat terkesan Covid 19, malah menambah derita dalam menghadapi kehidupan masa kini.

- a) Sejauh manakah wujudnya kerjasama antara jabatan, agensi dan GLC dalam membantu golongan ini?
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil bagi membantu golongan yang terlibat di dalam pertanian, ternakan dan perikanan?
- c) Bagaimanakah pembelaan kepada usahawan dan peniaga-peniaga kecil-kecilan?

15. **YB ENCIK MOHD ZAIDI BIN AZIZ (SLIM)**

Dengan pertambahan golongan muda di Parlimen Tanjong Malim, adakah Kerajaan Negeri berhasrat meneruskan semula pembinaan rumah Transit Belia 1MYC, Perak di tapak cadangan sebelum ini?

16. **YB ENCIK YAHAYA BIN MAT NOR (PASIR PANJANG)**

Bagaimana kerajaan Negeri Perak boleh meluaskan sasaran penerima program Kit Asas Sanitasi (PROKiS) bagi mengatasi masalah kemiskinan haid di negeri ini?

17. **YB ENCIK CHEAH POU HIAN (JELAPANG)**

SUNTIKAN VAKSIN PICKID

- a) Setakat sekarang berapa peratus PICKID di Daerah Kinta dan negeri Perak?.
- b) Berapa peratus yang belum menerima PICKID?
- c) Apa tindakan yang akan dikenakan serta adakah mereka masih boleh belajar di sekolah masing-masing?

18. **YB DATO' SERI IR. HAJI MOHAMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN (SUNGAI RAPAT)**

Sistem perparitan tidak diselenggara dengan baik sehingga menyebabkan banjir berlaku semasa musim hujan.

- a) Adakah tindakan sewajarnya telah diambil terhadap permaju -pemaju perumahan yang telah menyebabkan sistem perparitan ini tersumbat ?
- b) Apakah bentuk tindakan yang telah di ambil setakat hari ini ?
- c) Adakah tindakan dan pemeriksaan di buat terhadap syarikat-syarikat yang membuat sistem pembentungan kerana didapati jalan-jalan yang terlibat tidak diturap semula dengan sempurna menyebabkan jalan-jalan yang terlibat pecah dan rosak dan menyumbang kepada berlakunya banjir ?

19. **YB DR KO CHUNG SEN (KEPAYANG)**

Daripada Kepayang

Tajuk: Lesen beroperasi Tasek Cement

- a. Bilakah lesen beroperasi Tasek Cement bertamat?
- b. Adakah pihak kerajaan akan memberi cadangan kepada pihak pengusaha supaya memindah ke lokasi yang lain demi menjaga keselesaan dan kesihatan penduduk di sekitar?
- c. Berapakah jumlah kes aduan yang diterima oleh pihak berkuasa berkaitan dengan masalah pencemaran yang disyaki berpunca daripada tapak operasi Tasek Cement?

20. **YB. DATO' DR. MUHAMMAD AMIN BIN ZAKARIA (BATU KURAU)**

- a) Apakahh garis panduan yang digunapakai oleh Jawatankuasa Pengurusan Komuniti Kampung (JPKK) dalam melaksanakan tugas mereka?
- b) Apakah garis panduan terdahulu yang sediada boleh dirujuk?
- c) Apakah Kerajaan Negeri bercadang supaya lantikan Pengerusi JPKK ini berjawatan kontrak?

21. **YB DATUK MASLIN SHAM BIN RAZMAN (BUKIT CHANDAN)**

UMUM TELAH MENGETAHUI HARGA BARANG KEPERLUAN HARIAN MELAMBUNG NAIK SEJAK KEBELAKANGAN INI.

1) APAKAH LANGKAH KERAJAAN UNTUK MENGIMBANGI KENAIKAN HARGA TERSEBUT?

2) ADAKAH HASRAT KERAJAAN NEGERI UNTUK MELUASKAN LAGI OPERASI KEDAI BERGERAK YANG KINI MENDAPAT SAMBUTAN LUAR DUGAAN ATAS FAKTOR HARGA YANG DITAWARKAN JAUH LEBIH MURAH DARI HARGA PASARAN RUNCIT?

22. **YB ENCIK AMINUDDIN BIN ZULKIPLI (BEHRANG)**

I. PELANCONGAN

(1) Siapakah pihak perundingan pelancongan yang dijadikan rakan rundingan untuk mentadbir mengurus dan membangunkan industri pelancongan Negeri Perak Darul Ridzuan.

(2) Adakah Kerajaan Negeri Perak telah melakukan atau sedang berhasrat untuk menaja dan mengikat pelajar-pelajar anak-anak Perak secara khusus dalam bidang pelancongan di mana-mana institusi pengajian tinggi sebagai salah satu daripada pelan jangka panjang pembangunan industri pelancongan Negeri Perak Darul Ridzuan.

(3) Apakah KPI yang digunakan untuk menilai prestasi dan pencapaian Jawatankuasa Pelancongan Daerah yang telah ditubuhkan pada tahun 2021 di daerah-daerah, terutamanya dalam Daerah Muallim

23. **YB DR KO CHUNG SEN (KEPAYANG)**

Daripada Kepayang

Tajuk: Masalah Gelandangan

a. Apakah rancangan pihak kerajaan negeri demi mengurangkan golongan gelandangan di sekitar bandaraya Ipoh yang semakin serious?

b. Adakah pusat transit gelandangan di negeri Perak mencukupi memandangkan trennya semakin bertambah?

c. Apakah rancangan jangka masa pendek dan jangka masa panjang pihak kerajaan dalam membantu mereka supaya dapat menjana pendapatan semula?

24. **YB ENCIK HASNUL ZULKARNAIN BIN ABD MUNAIM (TITI SERONG)**

Sejak berlakunya gelombang ketiga Covid-19, masalah kekurangan ambulans di Hospital Parit Buntar dan juga klinik kesihatan amat ketara.

- i) Adakah pihak kerajaan negeri telah mendapat perolehan ambulans yang baharu dan berapa banyak penerimaan ambulans tersebut ?
- ii) Berapakah jumlah agihan ambulans baharu kepada hospital-hospital daerah?

25. **YB ENCIK CHAW KAM FOON (MENGLEMBU)**

ISU LEMBU/KERBAU MERAYAU.

A) APAKAH PERKEMBANGAN ISU LEMBU/KERBAU MERAYAU DI LEBUHRAYA IPOH-LUMUT SAMADA PENTERNAK HARAM MASIH AKTIF DI SEKITAR LEBUHRAYA TERSEBUT KHUSUSNYA DI MENGLEMBU?

B) SILA NYATAKAN PROSES UNDANG-UNDANG KECIL HAIWAN MERAYAU-RAYAU YANG TERKINI YANG SEDANG DIGUNAPAKAI OLEH MAJLIS BANDARAYA IPOH?

C) SILA NYATAKAN BERAPA EKOR LEMBU/KERBAU YANG TELAH DITANGKAP DAN BERAPA JUMLAH KOMPAUN YANG TELAH DIKUTIP OLEH MAJLIS BANDARAYA IPOH BAGI TAHUN 2021 DI KAWASAN DUN MENGLEMBU?

26. **YB DR MUHD FADHIL BIN NURUDDIN (KAMUNTING)**

Universiti Sultan Azlan Shah (sebelum itu Kolej Universiti Sultan Azlan dan Kolej Islam Darul Ridzuan) telah beroperasi lebih 20 tahun namun prestasi USAS tidak begitu menonjol.

- a. Apakah perancangan kerajaan agar USAS mencapai rating dan ranking yang baik dalam kalangan universiti di Malaysia?
- b. Berapakah jumlah geran penyelidikan yang telah berjaya diperolehi oleh USAS dalam 10 tahun yang lepas?
- c. Apakah kerajaan merasakan perlu kepada rombakan di peringkat pengurusan tertinggi USAS?

27. **YB ENCIK ONG BOON PIOW (BERCHAM)**

Isu berkenaan telekomunikasi dalam negeri Perak.

- i) Bilakah perkhidmatan 5G dapat diperkenal dan digunakan oleh orang awam di negeri Perak?
- ii) Sila jelaskan keadaan liputan 4G/LTE dalam negeri Perak?
- iii) Adakah kini pemancar telekomunikasi dibenarkan dibina atas bumbung premis kedai?

28. **YB ENCIK LEONG CHEOK KENG (MALIM NAWAR)**

Aktiviti Kebun di Tanah Lapang

Baru-baru ini, beberapa penduduk Mambang Diawan mengadu bahawa tanaman mereka di atas tanah lapang dimusnahkan oleh pihak berkuasa tempatan kerana menjalankan aktiviti tanaman yang tidak dibenarkan.

- (a) Adakah Kerajaan Negeri bersetuju bahawa ia adalah lebih wajar sekiranya undang-undang kecil tempatan dipinda supaya penduduk boleh berkebun di tanah lapang yang tidak digunakan supaya mereka boleh menghasilkan sayur-sayuran daripada aktiviti berkebun?
- (b) Adakah Kerajaan Negeri bersetuju bahawa ia adalah lebih sesuai sekiranya aktiviti tanaman tersebut dikawal dengan garis panduan yang digubal oleh Kerajaan Negeri berbanding dengan mengenakan larangan mutlak terhadap aktiviti tersebut?

29. **YB CIK JENNY CHOY TSI JEN (CANNING)**

Perubahan iklim telah mengakibatkan banjir kilat sering berlaku di sekitar Ipoh. Bagi kawasan Taman Cempaka, paras air Sungai Pinji menaik secara mendadak dengan cepat dan banjir kilat sering berlaku apabila hujan lebat melanda.

- (i)Apakah tindakan jangka masa panjang JPS dan MBI untuk menyelesaikan masalah banjir kilat?
- (ii)Nyatakan Bilangan kolam takungan banjir di bawah Jabatan Pengairan Dan Saliran, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain di Negeri Perak sehingga 2022

30. **YB DR MUHD FADHIL BIN NURUDDIN (KAMUNTING)**

Masalah babi liar berkeliaran sekitar kampung dan taman di kawasan Kamunting makin menjadi-jadi.

- a. Berapa banyak operasi telah dilakukan dan berapa ekor babi liar yang telah ditangkap atau ditembak?
- b. Apakah perancangan Jabatan Perhilitan mengatasi isu ini?
- c. Apakah punca kejadian ini semakin bertambah?

31. **YB ENCIK LEONG CHEOK KENG (MALIM NAWAR)**

3. Permohonan untuk Projek Taman Rekreasi di Malim Nawar

Pada 13/9/2021, saya telahpun menulis kepada Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pelancongan untuk mencadangkan suatu taman rekreasi dibina di kawasan kolam bekas lombong berdekatan Malim Nawar.

- (a) Apakah status permohonan saya?
- (b) Adakah Kerajaan Negeri menyokong cadangan saya?
- (c) Bilakah projek tersebut boleh dilaksanakan sekiranya Kerajaan Negeri menyokongnya?

32. **YB ENCIK CHONG ZHEMIN (KERANJI)**

3. PKNP

Sila nyatakan jumlah kerugian yang dialami oleh PKNP dalam penyata kewangan PKNP akibat kegagalan operasi dan penutupan MAPS sejak MAPS dibangunkan sejak 2014 sehingga kini.

(b) Sila nyatakan jumlah kerugian oleh PKNP akibat harga saham PCB yang dipegang oleh PKNP menjunam sejak projek MAPS bermula pada tahun 2014 sehingga kini.

(c) Adakah PKNP berhasrat untuk mengambil alih MAPS dengan harga reserve RM60 juta, memandangkan tiada pembeli ataupun tawaran dan sebanyak RM695 Juta telah dibelanjakan untuk membangunkan MAPS

33. **YB ENCIK SIVASUBRAMANIAM A/L ATHINARAYANAN (BUNTONG)**

Projek Pembangunan di Kampung Tai Lee, Ipoh.

- a) Sila nyatakan jumlah keseluruhan rumah setinggan yang terdapat di kawasan Kampung Tai Lee?
- b) Apakah projek pembangunan yang dicadangkan di kawasan ini?

c) Adakah Kerajaan mempunyai hasrat untuk menempatkan penghuni setinggan asal di tempat ini atau dipindahkan ke kawasan lain?

34. **YB ENCIK CHEAH POU HIAN (JELAPANG)**

LIPUTAN UNIFI DI DUN JELAPANG

Saya telah menerima banyak rungutan penduduk DUN Jelapang berkaitan liputan UNIFI yang tidak menyeluruh dan dimanakah lokasi kawasan yang telah dipasang dan belum dipasang UNIFI.

- a) Berapa peratus liputan UNIFI telah dipasang di DUN Jelapang?
- b) sekiranya ada yang belum dipasang, bilakah Kerajaan Negeri akan memasang UNIFI tersebut?

35. **YB ENCIK TEOH YEE CHERN (ASTAKA)**

Negeri Perak merupakan salah satu negeri yang paling besar di Semenanjung Malaysia, akan tetapi hanya terdapat dua pusat penyembelihan khinzir yang mempunyai lesen dan sah di negeri Perak. Ini telah menyusahkan banyak penjual daging khinzir di negeri Perak, khususnya pada masa penularan Covid-19 ini.

- (a) Adakah kerajaan negeri Perak bersedia atau bercadang untuk menambah lebih banyak pusat penyembelihan khinzir di seluruh negeri Perak dengan memberi lebih banyak lesen kepada pihak-pihak yang berkebolehan?
- (b) Jika jawapan kepada soalan (a) adalah YA, apakah syarat-syarat yang akan ditentukan oleh pihak kerajaan negeri semasa mengeluarkan lesen baru ini?
- (c) Jika jawapan kepada soalan (a) adalah TIDAK, sila nyatakan sebab-sebabnya

36. **YB PUAN SALBIAH BINTI MOHAMED (TEMENGOR)**

Mengikut satu laporan Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF), sekurang-kurangnya seorang daripada tujuh orang kanak-kanak serta golongan muda di seluruh dunia hidup “terkurung di dalam rumah” hampir sepanjang masa akibat pandemik Covid-19. Antara impak yang paling dibimbangi adalah tahap kesihatan mental di kalangan kanak-kanak.

- a) Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri bagi menangani isu kesihatan mental yang semakin serius terutamanya dalam kalangan kanak-kanak kesan daripada pandemik COVID-19.
- b) Adakah terdapat akses liputan perkhidmatan kesihatan kesihatan mental dan sokongan psikososial di peringkat sekolah?

37. **YB ENCIK HOWARD LEE CHUAN HOW (PASIR PINJI)**

Perubahan iklim merupakan faktor isu bencana yang melanda negeri Perak secara berturutan. Memandangkan kesan perubahan iklim bakal membawa pengaruh yang berpanjangan kepada penduduk dan kerajaan tempatan, apakah bajet kerajaan negeri dalam pembelian insuran pukal bencana alam bagi menangani isu kerosakan harta benda? Jika tiada, apakah rancangan kerajaan negeri untuk menjamin kesejahteraan rakyat Perak dalam bencana-bencana yang akan datang?

38. **YB DATO' SERI IR. HAJI MOHAMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN (SUNGAI RAPAT)**

Adakah pihak kerajaan negeri boleh mempertimbangkan peruntukan atau geran tahunan khas kepada persatuan- persatuan penduduk yang aktif yang membantu memelihara taman-taman perumahan? Antara contoh persatuan yang aktif ialah Persatuan Penduduk Taman Lapangan Jaya.

Mohon pihak berkuasa tempatan mempertimbangkan fasiliti-fasiliti riadah untuk taman-taman perumahan seperti di Taman Lapangan Jaya antaranya balapan olahrag, kerusi-kerusi rehat dan sebagainya

39. **YB ENCIK AMINUDDIN BIN ZULKIPLI (BEHRANG)**

III. PERTANIAN DAN KOMODITI

(1) Apakah jenis tanaman yang diberi keutamaan dan diberi bantuan teknologi, kemahiran dan kewangan yang telah disalurkan ke Daerah Muallim pada tahun 2020, 2021 dan 2022.

(2) Apakah KPI yang digunakan untuk memutuskan bahawa bantuan-bantuan oleh agensi-agensi terkait bidang pertanian tersebut wajar diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang

40. **YB ENCIK LEOW THYE YIH (POKOK ASSAM)**

Soalan mengenai CCTV di kawasan Taiping

(a) Sila senaraikan jumlah CCTV dan tempat pemasangan yang masih berfungsi di kawasan Taiping.

(b) Berapakah jumlah peruntukan yang telah digunakan untuk pemasangan dan pemeliharaan CCTV tersebut?

(c) Adakah pemasangan CCTV dapat membantu pihak polis dalam tindakan membanteras jenayah di tersebut ?

41. YB PUAN SALBIAH BINTI MOHAMED (TEMENGOR)

Keputusan kerajaan negeri menswastakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal atau khidmat pembuangan sampah menggantikan peranan pihak berkuasa tempatan (PBT).

a) Pelbagai isu-isu dan masalah yang timbul berikutan penswastaaan ini dilaksanakan antaranya kutipan sampah yang tidak diambil seperti yang dijadualkan, apakah penyelesaian yang akan diambil bagi menangani permasalahan ini.

b) Adakah penswastaaan ini akan menjejaskan kutipan sampah melibatkan kampung-kampung tradisional yang telah menerima tong sampah melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang lalu, disebabkan sebelum ini PBT telah menguruskan sistem kutipan sampah di kampung tersebut.

c) Dalam Executive Talk dan Perutusan Tahun Baharu 2022 oleh YAB Menteri Besar Perak telah mengariskan agenda 'Perak Bumi Lestari' yang menjadi tunjang dalam merangka pembangunan negeri, antara langkah bagi mencapai matlamat tersebut ialah menambah baik sistem pengurusan sisa pepejal. Apakah insentif kerajaan negeri bagi perkhidmatan pengurusan kutipan sampah di luar kawasan operasi pihak berkuasa tempatan (PBT) terutamanya penduduk di kawasan luar bandar kerana berada di luar kawasan selenggaraan PBT

42. YB ENCIK MOHAMAD NOOR BIN DAWOO (SELINSING)

Kawasan tadahan Kolam Bukit Merah mengalami masalah keketekan. Apakah tindakan pihak JPS bagi mengatasi masalah tersebut?

43. YB CIK NG SHY CHING (TEJA)

Program i-Suri (Caruman Sukarela Insentif Suri) KWSP

a) Sila nyatakan jumlah suri rumah di Negeri Perak yang layak untuk berdaftar.

b) Sila nyatakan jumlah suri rumah di Negeri Perak yang telah berdaftar dengan i-Suri bagi tahun 2018 hingga tahun 2021.

c) Apakah usaha kerajaan negeri dalam meningkatkan kadar pendaftaran bagi mencapai tujuan program ini untuk membantu golongan suri rumah miskin dan miskin tegar?

44. YB CIK JENNY CHOY TSI JEN (CANNING)

Puncak Emas Infra Sdn Bhd

Sila nyatakan jumlah harga untuk melantik Puncak Emas Sdn Bhd untuk mengurus kontrak Pihak Berkuasa Tempatan untuk setahun.

Apakah syarat kelayakan dan kriteria dari Puncak Emas Sdn Bhd untuk mengamalkan tender terbuka atau lantikan terus untuk melantik kontraktor?

Sila nyatakan jumlah harga setahun dari Puncak Emas Infra Sdn Bhd untuk pemantauan projek-projek

45. **YB ENCIK NGA KOR MING (AULONG)**

Perang Terhadap Rasuah

Rasuah adalah musuh utama Negara. Minta YAB Menteri Besar Perak nyatakan :

Apakah langkah-langkah atau inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membanteras rasuah

46. **YB DR MUHD FADHIL BIN NURUDDIN (KAMUNTING)**

Projek rintis pengurusan sisa pepejal di Zon Kamunting telah dimulakan pada Januari 2022.

- a. Apakah masalah-masalah utama yang dihadapi oleh Majuperak Utilities Management Sdn Bhd sehingga menjadi rungutan penduduk?
- b. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Majuperak Utilities Management Sdn Bhd dalam mengatasi masalah-masalah tersebut?
- c. Apakah penambahbaikan yang ditawarkan MUMSB berbanding kontraktor yang sebelum ini?

47. **YB ENCIK TEOH YEE CHERN (ASTAKA)**

Masalah lalat di kawasan Sitiawan masih tidak dapat diselesaikan walaupun banyak kali dibangkit dalam mesyuarat Dewan Undangan Negeri.

- (a) Apakah status terkini dalam pemindaan Enakmen Perladangan Unggas 2005?
- (b) Adakah kerajaan negeri Perak bersedia untuk memberi diskaun premium tanah kepada mana-mana pengusaha ladang ayam yang bersedia untuk menukar reban ayam terbuka kepada reban ayam tertutup?

48. **YB ENCIK CHONG ZHEMIN (KERANJI)**

Hospital Kampar

(a) Apakah keputusan ataupun pendirian kerajaan negeri terhadap tawaran pihak UTAR untuk membangunkan hospital swasta secara usaha sama dengan pihak swasta UTAR?

(b) Sila nyatakan jadual ataupun perancangan pihak kerajaan negeri bilakah hak milik tanah di tapak Kampung Changkat Baru dijangka akan dipindah milik dan Hospital Kampar akan mula dibina?

49. **YB ENCIK HOWARD LEE CHUAN HOW (PASIR PINJI)**

1. Bencana tempatan seperti banjir makin kerap terjadi dan makin teruk keadaannya. Terutamanya di kawasan perumahan bandar, banjir yang diakibatkan oleh sistem saliran air yang tidak efektif Adakah kerajaan negeri mengambil inisiatif untuk menilai semula sistem-sistem saliran air dalam kawasan bandar? Jika ya, apakah perkembangan terkini inisiatif tersebut? Jika tidak, apakah alternatif kerajaan negeri?

50. **YB ENCIK NGA KOR MING (AULONG)**

Pengangkutan Awam

Minta YAB Menteri Besar Perak nyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membangunkan sistem pengangkutan awam yang sempurna untuk rakyat di negeri Perak

51. **YB DATO' MOHAMAD AZHAR BIN JAMALUDDIN (CHANGKAT JONG)**

HALA TUJU SEKRETARIAT WANITA PERAK 2022

Penubuhan Sekretariat Wanita dan Masyarakat Negeri Perak telah ditubuhkan pada 1 Januari 2021.

Soalan saya;

(a) Apakah pencapaian yang telah dilakukan sepanjang satu 1 tahun penubuhan sekretariat ini bagi membantu golongan wanita dan masyarakat di negeri Perak?

(b) Apakah perancangan program atau aktiviti Sekretariat Wanita Perak pada tahun 2022 ini?

52. **YB ENCIK TERENCE NAIDU A/L V.RAJA @ RAJA NAIDU (PASIR BEDAMAR)**

Berkenaan hal ehwal bukan Islam di Perak

- a) siapakah yang kini bertanggungjawab di bawah portfolio ini
- b) bagaimana pengagihan dana ini akan diagihkan dari segi kumpulan NGO / agama yang dicadangkan
- c) setakat kini bagaimanakah dana ini telah diagihkan

53. **YB ENCIK SIVANESAN A/L ACHALINGAM (SUNGKAI)**

Soalan kepada Exco Sumber Manusia.

Kadar pengangguran di Negeri Perak.
Laporan Jabatan Perangkaan (DOSM) pada Disember 2021 adalah 4.2 % iaitu 687,600 penganggur.

Soalan.

- i. Sila nyatakan jumlah pelabur yang telah melabur di Negeri Perak bagi tahun 2021 da berapakah jumlah kerja yang diwujudkan melalui pelaburan-pelaburan ini?
- ii. Sila nyatakan jumlah penuntut-penuntut lepasan, sekolah menengah, Kolej dan Universiti tempatan (diantara anak-anak Perak) bagi tahun 2021 dan berapa antaranya dapat tawaran pekerjaan di Negeri Perak?
- iii. Sila nyatakan kursus-kursus di antara yang ditawarkan oleh Universiti-universiti tempatan yang mudah diserapkan ke pasaran tenaga tempatan dan kursus-kursus yang tak begitu mudah untuk diserapkan ke pasaran tenaga kerja

54. **YB ENCIK HOWARD LEE CHUAN HOW (PASIR PINJI)**

2. Banyak aduan telah diterima dari orang ramai berkenaan dengan kerja kontraktor perbersihan yang semakin tidak bersistematik. Antaranya termasuk jadual pengutipan sampah yang tidak tetap, kerja-kerja pembersihan yang tidak berjalan dan sebagainya. Apakah mekanisma pemantauan yang digunapakai oleh kerajaan negeri untuk memperbaiki keadaan tersebut?

55. **YB DR. ABDUL AZIZ BIN BARI (TEBING TINGGI)**

Apakah kerajaan negeri telah mempunyai perancangan mengenai tapak Istana Raja Muda di Telok Intan susulan dari pembatalan penjualan tapak tersebut?